

17/05/1999

Lojing: Pemuda buat laporan BPR

Manzaidi Mohd Amin; Azman Mahmood

KOTA BHARU, Ahad - Pergerakan Pemuda Umno Kelantan hari ini membuat aduan rasmi kepada Badan Pencegah Rasuah (BPR) negeri supaya menjalankan siasatan segera berhubung tindakan Kerajaan Pas Kelantan membenarkan pembukaan kawasan pertanian dan pembalakan tanpa kawalan seluas 8,860 hektar di Lojing, Gua Musang, dekat sini.

Aduan itu dibuat ahli jawatankuasa Pergerakan Pemuda Umno Kelantan diketuai oleh ketuanya, Zahari Kechik, di pejabat BPR negeri di Wisma Persekutuan di sini jam 10.50 pagi.

Zahari berkata, dalam aduan itu, pemuda Umno meminta BPR menyiasat kenapa Jawatankuasa Tender Balak Negeri Kelantan, walaupun menerima arahan Majlis Perhutanan Negara (MPN), masih mengeluarkan lesen pembalakan kepada individu serta syarikat tertentu di kawasan tanah tinggi melebihi paras 1,000 meter.

Beliau berkata, BPR diminta menyiasat kenapa kerajaan negeri masih memberi kebenaran untuk kegiatan pertanian di kawasan tanah tinggi Lojing dan menyiasat setiap individu yang menganggotai jawatankuasa itu.

"Siasatan menyeluruh perlu dilakukan termasuk latar belakang dan kedudukan kewangan anggota jawatankuasa berkenaan.

"Kita bimbang dan mengesyaki berlaku penyelewengan serta penyalahgunaan kuasa oleh kerajaan negeri dalam mengeluarkan tender dan lesen itu, pada hal arahan MPN bertarikh pada 28 Disember 1998 cukup jelas dan nyata mengenai perkara berkaitan," katanya kepada pemberita di sini, hari ini.

Turut hadir naib ketuanya, Jazlan Yaacob dan setiausaha, Dali Hussein bersama 16 anggota Pemuda perhubungan negeri.

Zahari, berkata langkah itu akan diambil kerana mendapati kegiatan terbabit dibuka secara berleluasa tanpa kawalan oleh pihak dan syarikat tertentu di kawasan seluas 8,860 hektar, dipercayai dengan kebenaran kerajaan negeri.

Sedangkan, kata beliau, MPN dua tahun lalu mengeluarkan arahan kepada semua kerajaan negeri termasuk Kelantan supayaewartakan kawasan tanah tinggi melebihi paras ketinggian 1,000 meter sebagai kawasan dilindungi daripada sebarang kegiatan penerokaan.

"Tetapi di Kelantan hari ini, mengikut laporan akhbar, kerajaan negeri gagal mengambil sebarang langkah mematuhi arahan MPN menyebabkan kawasan tanah tinggi Lojing di Gua Musang mengalami hakisan yang sukar dibaik pulih.

"Bagi mengelak ia berterusan, Pemuda Umno negeri akan mengambil langkah membuat aduan kepada BPR supaya siasatan terperinci dijalankan membabitkan semua aspek mengenai perkara itu," katanya.

Berita Harian Khamis lalu melaporkan, Kabinet memandang berat keingkaran kerajaan Kelantan dalam usaha memulihara alam sekitar apabila membiarkan 8,860 hektar hutan di tanah tinggi Lojing dibuka untuk kegiatan pembalakan dan pertanian.

Kegiatan itu menyebabkan peningkatan kadar mendapan dalam sistem sungai di Kelantan, dipercayai boleh mengancam jangka hayat Empangan Hidroelektrik Pergau, di negeri itu.

Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Datuk Law Hieng Ding, berkata mesyuarat Kabinet yang dimaklumkan, memandang berat kegiatan pembukaan tanah di kawasan itu.

Katanya, hampir semua anggota Kabinet terutama Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, melahirkan kebimbangan serta mengganggu kegiatan

pembukaan tanah itu sebagai serius.
(END)